

Program tingkat pendapatan, penawaran kerja

KUANTAN: Program Pembangunan Usahawan yang dijalankan SIRIM Berhad dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di Pahang berjaya meningkatkan pendapatan usahawan dan penawaran pekerjaan, kata Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM Berhad, Profesor Ir Dr. Ahmad Fadzil Mohd Hani.

Beliau berkata, program itu dilaksanakan di semua daerah di Pahang, melibatkan penyertaan 137 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) setakat penghujung tahun lalu.

Katanya impak program menyaksikan peningkatan pendapatan sebanyak 23 peratus manakala peningkatan penawaran pekerjaan ialah sebanyak 18 peratus, selain kualiti produk yang dihasilkan lebih baik termasuk dalam aspek pembungkusan dan pelabelan.

"Produk yang dikeluarkan juga telah menembusi pasaran yang lebih besar termasuk pasar raya seperti - Giant, AEON, Pasaraya Darul Makmur, Pasaraya Pantai Selamat dan Malakat Mall.

"Menerusi pembungkusan

yang menarik, jenama seperti Kuih Bawang Wak Nen dan Maruku Yama keluaran Nona Enterprise semuanya sudah senang untuk dibeli di pasar raya," katanya semasa berucap pada Program Keterlibatan SIRIM-Industri Pahang di sini, semalam.

Program setengah hari itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan turut hadir ialah Timbalan Pengerusi Pertubuhan Kemajuan Pembangunan Pertanian Pahang Datuk Seri Shahiruddin Ab Moin.

Selain itu, Ahmad Fad-

zil berkata, satu lagi program SIRIM yang dilaksanakan di Pahang bagi membantu usahawan PKS ialah program pembungkusan berinovatif (INNOPACK) yang dilaksanakan dengan kerjasama agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (Mara).

"Menerusi program ini, usahawan dibimbing untuk menghasilkan idea reka bentuk pembungkusan yang lebih berdaya saing bagi memenuhi permintaan pasaran," katanya.

Mengenai kerjasama dengan organisasi penyelidikan berorientasikan aplikasi, Institut Fraunhofer, dikenali SIRIM FRAUNHOFER, beliau berkata di Pahang sahaja melibatkan penyertaan 25 PKS.

Sejak dimulakan pada 2015 hingga Jun lalu, sebanyak 1,470 PKS di seluruh negara telah mengambil bahagian dalam program itu yang antara lain membantu dalam penyediaan pelan tindakan untuk meningkatkan produktiviti, kebolehan pengurusan teknologi menjadikan syarikat lebih inovatif dan produktif. Menurutnya, usahawan juga tidak perlu bimbang mengenai modal memandangkan ada geran yang disediakan melalui kerajaan persekutuan melibatkan nisbah 80:20 dengan 20 peratus daripada industri. - Bernama



MENTERI Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail (tengah) melihat produk ketika melawat pameran pada Program Keterlibatan SIRIM-Industri Negeri Pahang 2020 semalam.

• Foto BERNAMA